



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM

**PENILAIAN STOK PERDAGANGAN
DAN KERJA DALAM PROSES
BAHAGIAN I**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2006

TARIKH KELUARAN: 31 MEI 2006



**PENILAIAN STOK PERDAGANGAN
DAN KERJA DALAM PROSES
BAHAGIAN I**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 4/2006
Tarikh Keluaran: 31 Mei 2006**

KANDUNGAN

	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Kepentingan penilaian stok perdagangan dalam pengiraan pendapatan lapisan daripada perniagaan	3
4. Penilaian stok perdagangan pada awal tempoh asas	5
5. Pendekatan	5
6. Asas penilaian stok perdagangan	5
7. Nilai pasaran atau jumlah kos	6
8. Jumlah kos atau kos sejarah	6
9. Kerja dalam proses	7
10. Konsisten	7
11. Ambilan stok perdagangan bagi kegunaan sendiri	8
12. Penilaian stok perdagangan bagi perniagaan yang diberhentikan	8
13. Keusangan stok perdagangan	10
14. Pengurangan dalam nilai saham sebagai stok perdagangan	10
15. Tarikh kuatkuasa	10

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**

1. Ketetapan Umum bagi penilaian stok perdagangan dan kerja dalam proses dibahagikan kepada dua (2) bahagian. Ketetapan Umum Bahagian I ini menerangkan:
 - i. kepentingan penilaian stok perdagangan dan kerja dalam proses untuk tujuan menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
 - ii. asas penilaian stok perdagangan dan kerja dalam proses; dan
 - iii. peraturan tertentu yang diguna pakai apabila perniagaan seseorang telah ditamatkan secara kekal.
2. Penilaian stok perdagangan dan kerja dalam proses bagi perniagaan tertentu termasuk:
 - ' kontrak pembinaan,
 - ' pemajuan harta,
 - ' institusi kewangan dan bank,
 - ' penyediaan servis dan profesional,
 - ' penternakan, pertanian, bahan galian, produk perhutanan, dan
 - ' perisian komputer dan alat ganti,akan diterangkan secara terperinci di dalam Bahagian II Ketetapan Umum ini yang akan dikeluarkan kemudian.
3. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan stok perdagangan adalah seksyen 2, 24 dan 35.
4. Bagi tujuan Ketetapan ini, perkataan yang digunakan mempunyai maksud seperti berikut:
 - 4.1 "FIFO" (masuk dahulu, keluar dahulu) bermaksud kaedah yang menganggap stok perdagangan yang dibeli dahulu akan dijual dahulu dan baki stok perdagangan adalah daripada belian yang terkemudian.
 - 4.2 "Kerja dalam proses" bermaksud barang-barang yang masih dalam proses pengeluaran yang mana akhirnya akan dijual dalam perniagaan.
 - 4.3 "Kos purata berwajaran" bermaksud kaedah yang menilaikan stok perdagangan mengikut kos purata berwajaran bagi barangan yang sama yang ada untuk jualan pada awal tempoh dan yang dibeli atau yang dihasilkan dalam tempoh itu dibahagikan dengan bilangan unit yang ada untuk jualan bagi mendapatkan kos purata berwajaran bagi seunit. Stok

perdagangan pada akhir tempoh perakaunan dinilai dengan kos purata seunit itu.

- 4.4 "LIFO" (masuk kemudian, keluar dahulu) bermaksud kaedah yang menganggap stok perdagangan yang dibeli kemudian akan dijual dahulu dan baki stok perdagangan adalah terdiri daripada belian yang terawal.
- 4.5 "Nilai pasaran" berkaitan dengan apa jua, bermaksud harga yang boleh diperolehi baginya jika diperniagakan antara pembeli dan penjual mengikut transaksi selengan.
- 4.6 "Orang" termasuk syarikat, koperasi, kelab, persatuan, keluarga sekutu Hindu, amanah, harta pesaka di bawah pentadbiran, individu dan perkongsian.
- 4.7 "Pendapatan kasar" daripada perniagaan seseorang bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar daripada perniagaan tersebut ditolak semua perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan di dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah peruntukan am dan peruntukan khas ACP.
- 4.8 "Pengiraan cukai" bermaksud lampiran, lembaran kerja, dan lain-lain dokumen sokongan yang digunakan untuk menyediakan penyata cukai pendapatan.
- 4.9 "Perniagaan" termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap perkilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk suatu penggajian.
- 4.10 "Stok perdagangan", berkenaan dengan suatu perniagaan, bermaksud apa-apa jenis harta, sama ada harta alih atau tidak alih, yang adalah sama ada -
 - (a) harta seperti yang dijual dalam urusan biasa perniagaan atau akan dijual jika ia telah matang atau jika perkilangan, persediaan atau pembinaannya telah siap;
atau
 - (b) bahan-bahan seperti yang digunakan dalam perkilangan, persediaan atau pembinaan apa-apa harta yang disebut dalam perenggan (a) di atas,dan termasuk apa-apa kerja dalam proses.
- 4.11 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.
- 4.12 "Tempoh asas" berhubung dengan seseorang, punca seseorang tersebut dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, seperti mana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

5. Kepentingan penilaian stok perdagangan dalam pengiraan pendapatan larasan daripada perniagaan

5.1 Pada amnya, pengiraan pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan kasar	XX
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	<u>(XX)</u>
Pendapatan larasan	<u>XX</u>

5.2 Dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, nilai stok perdagangan pada awal dan pada akhir tempoh tersebut hendaklah diambil kira. Amalan perakaunan semasa yang mengambil kira nilai stok perdagangan dalam akaun untung rugi adalah mengikut peruntukan seperti yang dikehendaki di bawah subseksyen 35(2) ACP. Nilai stok perdagangan pada awal dan akhir tempoh perakaunan dapat ditunjukkan seperti berikut:

	RM	RM
Jualan atau perolehan		1,000,000
Tolak: Stok perdagangan awal	200,000	
Belian	300,000	
Kos pengeluaran daripada akaun perkilangan	50,000	
Tolak: Stok perdagangan akhir	<u>100,000</u>	
Kos barang dijual		<u>450,000</u>
Untung kasar		550,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan (di bawah peruntukan ACP)		<u>180,000</u>
Pendapatan larasan		<u>370,000</u>

5.3 Di mana nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas melebihi nilai pada awal tempoh asas, jumlah potongan di bawah peruntukan ACP dapat dikurangkan dengan amaun lebihan tersebut, menyebabkan peningkatan dalam pendapatan larasan (rujuk Contoh 1). Jika nilai stok perdagangan pada awal tempoh asas melebihi nilai pada akhir tempoh asas, jumlah potongan di bawah peruntukan ACP akan ditambah dengan amaun yang lebihan itu, menyebabkan pengurangan dalam pendapatan larasan (rujuk Contoh 2). (Subseksyen 35(2) ACP).

Contoh 1

Star Enterprise Sdn Bhd menjalankan perniagaan menjual alat tulis. Berikut adalah maklumat berhubung dengan perniagaan pada tahun berakhir 31 Disember 2006 :

	RM
Jualan	850,000
Belian	225,000
Stok perdagangan awal	100,000
Stok perdagangan akhir	180,000
Perbelanjaan dibenarkan (di bawah peruntukan ACP)	250,000

Pengiraan untung kasar dan pendapatan lurasan daripada perniagaan bagi tahun taksiran 2006 adalah seperti berikut:

	RM	RM
<i>Jualan</i>		<i>850,000</i>
<i>Tolak:</i>		
<i>Stok perdagangan awal</i>	<i>100,000</i>	
<i>Belian</i>	<i><u>225,000</u></i>	
	<i>325,000</i>	
<i>Tolak: Stok perdagangan akhir</i>	<i><u>180,000</u></i>	
<i>Kos barang dijual</i>		<i><u>145,000</u></i>
<i>Untung kasar</i>		<i>705,000</i>
<i>Tolak: Perbelanjaan dibenarkan (di bawah peruntukan ACP)</i>		<i><u>250,000</u></i>
<i>Pendapatan lurasan daripada perniagaan</i>		<i><u>455,000</u></i>

Dalam kes ini, nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas (RM 180,000) adalah melebihi nilai stok pada awal tempoh asas (RM 100,000), jumlah potongan di bawah peruntukan ACP dapat dikurangkan dengan amaun berlebihan ini.

Contoh 2

Dengan menggunakan fakta yang sama dalam Contoh 1, jika stok perdagangan awal dan stok perdagangan akhir pada 31 Disember 2006 dinilai masing-masing pada RM180,000 and RM100,000, untung kasar dan pendapatan lurasan daripada perniagaan bagi tahun taksiran 2006 adalah seperti berikut:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Jualan</i>		850,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Stok perdagangan awal</i>	180,000	
<i>Jualan</i>	<u>225,000</u>	
	405,000	
<i>Tolak: stok perdagangan akhir</i>	<u>100,000</u>	
<i>Kos jualan</i>		<u>305,000</u>
<i>Untung kasar</i>		545,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Perbelanjaan dibenarkan (di bawah peruntukan ACP)</i>		<u>250,000</u>
<i>Pendapatan larasan daripada perniagaan</i>		<u>295,000</u>

Dalam kes ini, nilai stok perdagangan pada permulaan tempoh asas (RM180,000) melebihi nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas (RM100,000), jumlah potongan di bawah peruntukan ACP adalah meningkat melalui amaun lebihan ini.

6. Penilaian stok perdagangan pada awal tempoh asas

Perenggan 35(3)(b) ACP menerangkan bahawa nilai stok perdagangan pada awal tempoh asas, kecuali bagi kes perniagaan yang baru bermula, hendaklah sama dengan nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas yang terdahulu.

7. Pendekatan

Nilai stok perdagangan hendaklah ditentukan mengikut barangan masing-masing. Bagaimanapun, jika ianya tidak sesuai atau praktikal (terutamanya bagi barangan yang bersaiz kecil tetapi besar bilangannya), stok perdagangan hendaklah dikumpulkan mengikut jenis atau sifat. Seterusnya nilai stok perdagangan tersebut hendaklah ditentukan mengikut kumpulan atau kelompok barangan yang sama atau yang berkaitan.

8. Asas penilaian stok perdagangan

Subseksyen 35(3) ACP menerangkan asas penilaian stok perdagangan yang boleh diterima bagi tujuan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, dalam akaun sebenar yang disediakan oleh pembayar cukai, asas penilaian stok perdagangan yang digunakan mungkin tidak dapat diterima bagi tujuan cukai pendapatan. Jika keadaan ini berlaku, pelarasan pengiraan perlu dilakukan supaya penilaian stok perdagangan tersebut adalah mengikut peruntukan dalam ACP. Jika stok perdagangan dinilai pada asas selain daripada yang diperuntukkan dalam subseksyen 35(3) ACP, pembayar cukai perlu membuat

pelarasan yang bersesuaian supaya pengiraan pendapatan larasan dibuat dengan betul.

9. Nilai pasaran atau jumlah kos

Perenggan 35(3)(a) ACP menerangkan asas berkanun bagi penilaian stok perdagangan seperti berikut:

9.1 Nilai bagi sesuatu barangan stok perdagangan pada akhir tempoh perakaunan hendaklah mengikut nilai pasaran pada masa itu atau seseorang itu boleh memilih untuk mengambil nilai stok perdagangan mengikut jumlah kos perolehan barangan tersebut termasuklah kos yang membawa barangan kepada keadaan dan lokasi pada masa itu. Pilihan untuk menilai mengikut jumlah kos hanya terpakai bagi kes barangan yang berbentuk ketara dari segi fizikalnya (seperti teksil, buku, alat tulis dan barangan runcit).

9.2 Dalam kes stok perdagangan yang terdiri daripada harta tidak alih, stok, saham atau sekuriti yang dipasarkan, nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas adalah harga kos atau nilai pasaran pada masa itu, yang mana **lebih rendah**.

10. Jumlah kos atau kos sejarah

10.1 Dalam kes perniagaan perkilangan, jumlah kos atau kos sejarah hendaklah termasuk:

- ' kos bahan langsung dan kerja yang digunakan dalam perkilangan produk siap,
- ' nisbah bahagian kos overhead pengeluaran yang berkaitan dengan perkilangan produk siap, dan
- ' Kos-kos lain bagi meletakkan stok dalam lokasi dan keadaan masa kini.

10.2 Dalam kes perniagaan runcit, jumlah kos termasuklah kos pembelian stok perdagangan dan kos yang membawanya ke lokasi dan keadaan masa kini (contoh: duti kastam, kos pengangkutan dan kos pembungkusan).

10.3 Kos untuk menyimpan aset dalam keadaan masa kini tidak sepatutnya ditambah di dalam kos sebenar. Sebagai contoh, jika pedagang menyimpan stok perdagangan mudah rosak untuk suatu jangkamasa, beliau mungkin terlibat dengan belanja untuk menyimpan stok perdagangan tersebut agar dalam keadaan baik seperti menyimpan di dalam peti sejuk. Kos penyejukan tidak boleh dimasukkan sebagai unsur di dalam

perbelanjaan penyelenggaraan barangan agar dalam keadaan baik di mana kos tersebut dianggap sebagai kos yang dapat dikaitkan dengan perbelanjaan untuk penyimpanan stok perdagangan.

- 10.4 Kaedah jumlah kos yang terpakai bagi tujuan perakaunan hendaklah menggunakan FIFO (masuk dahulu, keluar dahulu) atau formula kos purata wajar.
- 10.5 Kaedah kos yang lain seperti LIFO (masuk kemudian, keluar dahulu) tidak boleh diterima bagi tujuan cukai pendapatan.

11. Kerja dalam proses

- 11.1 Kerja dalam proses hendaklah dinilai sama ada pada kos atau nilai pasaran.
- 11.2 Kos bagi kerja dalam proses hendaklah termasuk bukan sahaja kos secara langsung yang dilakukan di dalam perkilangan barangan tetapi termasuk juga kos overhead pengeluaran seperti perbelanjaan pejabat dalam kilang.
- 11.3 Jika barangan belum siap tidak ada pasaran di mana ia boleh dijual sebagai bahan mentah untuk pengilang yang lain, barangan belum siap itu hendaklah dinilai pada kos.

12. Konsisten

- 12.1 Sebarang kaedah yang boleh diterima yang digunakan dalam penilaian stok perdagangan atau kerja dalam proses hendaklah diguna pakai secara konsisten. Jika terdapat alasan yang sah bagi pertukaran (contohnya, untuk mendapatkan penilaian stok perdagangan yang lebih tepat pada kos atau nilai pasaran), maklumat terperinci berhubung dengan pertukaran hendaklah dicatatkan dan ditunjukkan di dalam penyata akaun dan/atau pengiraan cukai.
- 12.2 Jika terdapat pertukaran dalam penilaian stok perdagangan awal atau kerja dalam proses disebabkan oleh pertukaran polisi perakaunan syarikat dalam suatu tahun kewangan, kesan pertukaran ini ke atas keuntungan syarikat hendaklah ditunjukkan di dalam pengiraan cukai bagi tahun itu.

Contoh 3

Syarikat ABC Sdn Bhd menutup akaun pada 31 Disember tiap-tiap tahun. Dalam tahun 2006 syarikat telah memutuskan untuk menukar asas penilaian stok perdagangan daripada kos kepada nilai pasaran. Stok perdagangan awal dalam tahun 2006 yang asalnya dinilai pada kos juga ditukarkan kepada nilai pasaran. Berikut adalah nilai-nilai yang diperolehi daripada akaun terakhir syarikat:

	Kos (RM)	Nilai pasaran (RM)
Stok perdagangan awal	10,000	12,000
Stok perdagangan akhir	-	14,000

Kesan daripada pertukaran nilai stok perdagangan awal iaitu RM2,000 (RM12,000 - RM10,000) adalah dikenakan cukai, yang mana ditambah kepada untung bersih bagi mengira pendapatan larasan perniagaan. Jika angka-angka bagi stok perdagangan awal ditukar sebaliknya, perbezaan adalah dibenarkan.

13. Ambilan stok perdagangan bagi kegunaan sendiri

Di mana sebarang stok perdagangan bagi perniagaan yang diambil bagi kegunaan seseorang tanpa sebarang balasan yang diberikan pada stok perdagangan itu, nilai pasaran bagi stok perdagangan yang diambil daripada perniagaan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan.

Contoh 4

Encik Ali adalah pemilik tunggal bagi perniagaan Batik Cantik Enterprise yang menjalankan perniagaan menjual batik. Akaun perniagaan ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pada 25 Jun 2006, beliau telah mengambil 2 helai kain batik bernilai RM1,000 daripada stok perdagangannya tanpa sebarang bayaran. Batik tersebut telah dijadikan sebagai hadiah perkahwinan sahabat beliau.

Nilai pasaran bagi batik berjumlah RM1,000 itu diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan bagi tahun taksiran 2006 seperti yang dikehendaki dalam perenggan 24(2)(a) ACP.

14. Penilaian stok perdagangan bagi perniagaan yang diberhentikan

14.1 Di mana suatu perniagaan telah diberhentikan, satu peruntukan khas di bawah subseksyen 35(5) ACP perlu diguna pakai dalam keadaan tertentu seperti dinyatakan di dalam perenggan berikut.

14.2 Di mana seseorang yang telah berhenti menjalankan perniagaan secara kekal pada atau hampir dengan masa tersebut, sebarang stok perdagangan yang dijual atau dipindahkan dengan suatu nilai balasan kepada orang lain yang akan menggunakan stok perdagangan itu di dalam perniagaannya dan stok perdagangan itu boleh ditolak sebagai belian dalam pendapatan larasan perniagaan orang tersebut, harga yang dibayar untuk stok perdagangan atau nilai pasaran sebagai nilai balasan hendaklah diambil kira sebagai nilai stok perdagangan pada masa perniagaan diberhentikan.

Orang yang membeli stok perdagangan hendaklah menggunakan stok perdagangan itu di dalam perniagaannya pada harga atau nilai yang sama.

Contoh 5

Syarikat A Sdn Bhd telah berhenti menjalankan perniagaan menjual perabot pada 31 Julai 2006. Pada 10 Ogos 2006 Syarikat telah menjual kesemua baki stok perdagangan kepada Syarikat C Sdn Bhd dengan harga RM80,000 walaupun kos sebenar stok perdagangan adalah RM120,000.

Dalam akaun Syarikat A Sdn Bhd bagi tempoh berakhir 31 Julai 2006, stok perdagangan Syarikat A Sdn Bhd. hendaklah dinilai pada harga RM80,000.

Contoh 6

Syarikat B Restoran Sdn Bhd telah berhenti menjalankan perniagaannya pada 30 September 2006. Pada 10 Oktober 2006, Syarikat telah memindahkan kesemua baki stok perdagangan kepada Syarikat C Restoran Sdn Bhd bagi menyelesaikan hutangnya sebanyak RM60,000.

Memandangkan nilai balasan yang diterima adalah sebanyak RM60,000, Syarikat B Restoran Sdn Bhd hendaklah menilai stok perdagangannya pada harga RM60,000 pada 30 September 2006.

- 14.3 Pada pemberhentian perniagaan, jika stok perdagangan tidak dijual, nilai pasaran stok perdagangan pada tarikh perniagaan diberhentikan adalah nilai stok perdagangan bagi tujuan cukai pendapatan.
- 14.4 Jika stok perdagangan dijual atau dipindahkan bersama-sama dengan aset-aset perniagaan yang lain untuk tunai atau padanannya, jumlah balasan tersebut hendaklah dibahagikan di antara stok perdagangan dan aset-aset lain secara berpatutan dan munasabah.

Contoh 7

Syarikat D Sdn Bhd menjalankan perniagaan menjual kereta terpakai. Ia menjalankan perniagaan ini di atas sekeping tanah terbuka yang dipajak. Syarikat telah membina sebuah bangunan di satu sudut tanah untuk digunakan sebagai pejabat. Memandangkan kegiatan perniagaan adalah lembap, Syarikat telah memutuskan untuk memberhentikan perniagaan. Pada akhir tempoh perakaunan iaitu pada 31 Ogos 2006, Syarikat telah membuat keputusan untuk menjual kesemua hartanya, termasuk stok perdagangan, dengan harga RM700,000.

Amaun RM700,000 hendaklah dibahagikan di antara kesemua aset yang dijual seperti stok perdagangan, bangunan dan peralatan pejabat.



**PENILAIAN STOK PERDAGANGAN
DAN KERJA DALAM PROSES
BAHAGIAN I**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 4/2006
Tarikh Keluaran : 31 Mei 2006**

Mana-mana cara pembahagian boleh digunakan asalkan ianya berpatutan dan munasabah.

15. Keusangan stok perdagangan

Suatu peruntukan bagi keusangan stok perdagangan adalah tidak boleh dibenarkan. Penghapusan stok perdagangan sebenar yang dimasukkan di dalam akaun untung rugi boleh dibenarkan sekiranya ia telah direalisasikan. Pelarasan dikehendaki dilakukan kepada stok perdagangan awal dalam tahun berikutnya.

16. Pengurangan dalam nilai saham sebagai stok perdagangan

Di mana seseorang yang terlibat di dalam perniagaan saham dan saham adalah sebahagian daripada stok perdagangannya, sebarang pengurangan dalam nilai saham yang mencerminkan harga pasaran boleh dibenarkan. Peruntukan untuk pengurangan nilai saham hendaklah berasaskan kepada nilai pasaran dan kos saham tertentu. Dalam keadaan di mana peruntukan untuk pengurangan dalam nilai saham tidak diperlukan lagi, sebarang pertambahan dalam nilai saham akan dikenakan cukai.

17. Tarikh kuatkuasa

Ketetapan ini berkuatkuasa untuk tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang seterusnya.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri**